

UIAM, UiTM nafi pelajar tubuh parti politik

KUALA LUMPUR 19 Jan. - Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) menafikan penglibatan pelajar mereka dalam penubuhan sebuah parti politik.

Rektor UIAM, Prof. Datuk Dr. Syed Arabi Idid berkata, setakat ini, tiada maklumat berhubung kunjungan pelajar universitinya ke Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi tujuan itu.

"Kalau didapati benar mereka (pelajar) berbuat demikian, tindakan tatertib akan dikenakan terhadap mereka yang melanggar peraturan.

"Mula-mula mereka perlu tunjuk sebab dan sekiranya masih tidak boleh memberi jawapan yang memuaskan, mereka perlu membela diri di hadapan sebuah panel yang

ditubuhkan universiti," katanya ketika dihubungi *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed mendedahkan terdapat usaha sekumpulan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan dan bekas graduan untuk menubuhkan sebuah parti politik.

Beliau berkata, kumpulan berkenaan telah mengunjungi SPR pada 7 Januari lalu bagi membuat permohonan itu.

Perbuatan itu melanggar Seksyen 15 Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 yang melarang pelajar IPT terlibat dalam politik.

Sementara itu, Naib Canselor UiTM, Datuk Seri Ibrahim Abu Shah berkata, perbuatan itu ber-

canggah dengan akta universiti dan para pelajar tidak dibenarkan sama sekali terlibat dalam politik.

Dalam pada itu, beliau meminta semua pelajar supaya tidak campur tangan dengan isu-isu politik ketika menuntut di IPT masing-masing.

"Setakat ini, tidak terdapat laporan pelajar UiTM menyertai politik, pelajar memang dilarang berbuat demikian selagi mereka masih belajar, kalau didapati ingkar, mereka boleh dikenakan tindakan disiplin.

"Mereka sepatutnya fokus kepada pelajaran, kalau mahu melibatkan diri dalam dunia politik, biarlah selepas tamat pengajian," ujarnya.

Bagaimanapun, Ibrahim berkata, larangan tidak boleh dikenakan ke atas bekas graduan kerana mereka bukan lagi di bawah tanggungjawab universiti.